



KENYATAAN AKHBAR

21 Februari 2019

SANDAKAN MENJADI PUSAT PERDAGANGAN DAN EKONOMI PANTAI TIMUR SABAH

Bandar Sandakan mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat ekonomi dan perdagangan unggul bagi kawasan Pantai Timur negeri Sabah serta kawasan BIMP-Eaga dengan siapnya dermaga baru di Pelabuhan Sandakan. Kedudukan strategik pelabuhan ini juga berpotensi menjadikannya pusat *transshipment* dan logistik di Pantai Timur.

Ini menjadikan panjang dermaga pelabuhan baru yang berukuran 495 meter panjang dan 65 meter lebar ini, boleh menampung enam buah kapal dagang pada satu-satu masa. Kos pembinaan dermaga ini telah menelan belanja sebanyak RM129.4 juta dan mengambil masa sebanyak 24 bulan untuk disiapkan. Demikian dinyatakan oleh Tan Sri Ibrahim Menudin, Pengerusi Suria Capital Holdings Berhad yang juga Pengerusi Sabah Ports Sdn Bhd, yang juga merupakan anak syarikat Suria Capital, di Majlis Perasmian Jeti Baharu Pelabuhan Sandakan yang dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Hj Mohd Shafie Haji Afdal, Ketua Menteri Sabah pada 21hb Februari, 2019.

Menurut beliau, dermaga baru ini merupakan mercu tanda penting kepada pembangunan prasarana pelabuhan khususnya di Sandakan dan amnya di negeri Sabah demi meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan pelabuhan dan memudahkan kegiatan perdagangan dan pelaburan di negeri Sabah.

“Pelabuhan Sandakan merupakan pintu utama penting bagi pembangunan ekonomi negeri kerana peranannya dalam memesatkan kegiatan ekonomi di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sehubungan itu keperluan untuk membesarkan kawasan berlabuh bagi kapal-kapal dagang besar di Pelabuhan Sandakan telah dikenal pasti.

Pelabuhan Sandakan kini semakin aktif dan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan Sabah Ports Sdn Bhd selepas Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar.

Pelabuhan ini bukan sahaja bergantung kepada hasil minyak sawit malah juga menjadi pintu masuk kepada pelancong dan penumpang dari selatan Filipina. Pelabuhan Sandakan mengendalikan hampir semua jenis kargo yang terdiri dari kontena, kargo am, pukal minyak, kapal-kapal penumpang kepada perkhidmatan feri serta aktiviti transshipment untuk membawa Perkhidmatan dan mengendalikan aktiviti *transshipment*. Pelabuhan ini telah mengendalikan kira-kira 4.4 juta tan kargo setahun secara konsisten.

Pelan Induk Pelabuhan

Projek ini merupakan salah satu usaha syarikat untuk menaiktaraf pembangunan pelabuhan seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pelabuhan. Pelan Induk Pelabuhan ini juga melibatkan pelabuhan lain seperti Pelabuhan Sapangar, Pelabuhan Lahad Datu dan Tawau. Seperti yang kita maklum, pelabuhan-pelabuhan di Sabah dibina sejak 30 ke 40 tahun yang lalu. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menaik-taraf dan mempertingkatkan kecekapan pelabuhan, disamping menyokong inisiatif Pelabuhan Hijau (*Green Port*) demi menggalakkan penggunaan peralatan jentera dan prasarana yang canggih bagi memenuhi permintaan pengguna pelabuhan dan kapal penghantaran yang semakin meningkat.

Perjanjian Penswastan

Beliau menekankan bahawa Suria Capital, sebagai sebuah syarikat awam dan syarikat berkaitan kerajaan atau 'GLC' di Sabah, memainkan peranan yang cukup besar dalam membantu Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan pelabuhan yang mampan melalui anak syarikatnya, Sabah Ports Sdn Bhd. Sepanjang tempoh konsesi sejak tahun 2004, Sabah Ports Sdn Bhd telah

membantu Kerajaan Negeri mengurangkan perbelanjaan infrastruktur pelabuhan lebih daripada RM1.0 bilion. Dalam tempoh konsesi selama 30 tahun, Sabah Ports Sdn Bhd dikehendaki membuat perbelanjaan sekurang-kurangnya RM1.4 billion bagi pembangunan infrastruktur dan peluasan pelabuhan. Namun sehingga kini, Sabah Ports Sdn Bhd telah pun membelanjakan sejumlah RM1.03 billion dalam tempoh 15 tahun konsesi ini.

Bayaran Dividen Kepada Kerajaan

Pada tahun 2003 semasa Perjanjian Penswastan termeterai, sejumlah RM210 juta telah dibayar kepada Kerajaan Negeri untuk hak konsesi selama 30 tahun dengan pilihan untuk menyambung tempoh konsesi selama 30 tahun lagi. Sejak penswastan dan sehingga kini, Suria Capital dan Sabah Ports Sdn Bhd telah membayar hampir RM300 juta kepada Kerajaan Negeri dan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dalam bentuk dividen dan yuran.

Suria Capital dan Sabah Ports Sdn Bhd bersedia untuk meningkatkan kadar bayaran kepada Kerajaan Negeri sekiranya terdapat peningkatan hasil keluaran kargo. Ini menggambarkan keupayaan syarikat untuk mengurus pelabuhan dengan baik dengan adanya kepakaran dan pekerja yang berpengalaman seramai 1,100 orang, rangkaian kerjasama dengan agen perkapalan serta pengurus pelabuhan utama di peringkat global.

Dengan adanya struktur tadbirurus serta pengurusan kewangan yang baik, Suria Capital akan terus menguruskan pelabuhan sebaik mungkin sebagai GLC yang berpretasi tinggi.

Mengkaji Semula Tarif

Tan Sri Ibrahim juga menyarankan agar tarif pelabuhan Sabah dapat dikaji semula. “Dengan peningkatan kos perniagaan dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, inilah masanya untuk mengkaji semula tarif pelabuhan Sabah yang sudah mencecah usia 30 tahun. Pelabuhan-pelabuhan lain di Malaysia sudah lama mengkaji dan menstruktur semula tarif pelabuhan mereka

dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomik dan kewangan yang mempengaruhi perniagaan pelabuhan.

Sabah Ports telah pun memulakan Projek Pengkajian Tarif Pelabuhan sejak tahun 2011 dan kami cukup optimistik bahawa Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan akan menyokong usaha kami untuk merealisasikan tarif baru ini”, kata beliau.

Beliau juga berkata dengan adanya jeti persendirian yang diberi kelonggaran kepada segolongan orang-orang yang tertentu, ini tidak sejajar dengan Perjanjian Penswastaaan. Sabah Ports sendiri mempunyai infrastruktur, prasarana dan jentera yang lebih baik dan berkemampuan dari segi kepakaran untuk mengurus keselamatan pengguna dan pelanggan Pelabuhan.

Kegiatan Ekspot dan Import yang tidak Seimbang

Bagi kegiatan ekonomi, perhubungan darat, laut dan udara menjadi penting selain daripada kemudahan asas seperti tenaga dan air. Dari segi perhubungan melalui laut, Sabah sangat bertuah kerana kita mempunyai lapan pelabuhan. Dengan perkembangan yang ada di Pelabuhan Sandakan dan usaha pembesaran di Pelabuhan Sepangar untuk meningkatkan keupayaan bagi mencapai tahap 1 juta TEU, kita telah bersedia untuk sektor perindustrian di Sabah. Setakat ini, dari 350,000 kontena yang masuk ke Sabah, 60% darinya akan keluar kosong. Dari segi penggunaan kontena, ini bermakna import adalah melebihi eksport.

Sejarah Pelabuhan Sandakan

Pelabuhan Sandakan telah beroperasi sejak 40 tahun yang lalu bermula dari tahun 1977 dan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Mohd Adnan Robert pada tahun 1979.

Sandakan cukup dikenali dengan kerancakan ekonominya hasil dari kekayaan industri pembalakan sehingga bandar Sandakan pada suatu ketika diberi julukan nama “Little Hong Kong”. Apabila industri balak semakin berkurangan, industri minyak kelapa sawit menghidupkan kembali Sandakan untuk menjadi

pusat pertumbuhan yang utama di Pantai Timur Sabah dan ekonomi Negeri. Ini menjadikan Pelabuhan Sandakan di antara pelabuhan penting di negeri Sabah sehingga hari ini.

Sebarang pertanyaan, sila berhubung:

Datin Mariam Mahmud
Head Group Corporate Affairs and Communications
Tel: 088-257788 (O); HP: 019-821 9888
Email: mariam@suriapl.com.my